

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak mengumumkan lapan bidang tujahan utama yang dikenalpasti untuk menjadikan universiti ini sebagai Universiti Penyelidikan pada 2013 yang memfokus dalam bidang sains dan sosial.

Lapan bidang tujahan ini ialah Analisis Kewangan Ekonomi dan Dasar (*Economic Financial Analysis and Policy*), Keusahawanan (*Entrepreneurship*), Analisis Pengguna dan Pasaran (*Consumer and Market Analysis*), Kepimpinan Perniagaan dan Inovasi (*Business Leadership and Innovation*), Pengurusan Maklumat dan Media (*Information and Media Management*), Ketahanan Negara dan Pembangunan Negara (*National Resilience and Nation Building*), Tadbir Urus (*Governance*), Pengajian Antarabangsa (*International Studies*).

Justeru, lapan bidang tujahan yang telah dikenalpasti hasil dari perbincangan dan proses pemurnian pelbagai pihak ini perlu diberi perhatian dalam menghasilkan sebarang penyelidikan di UUM.

"Saya harap di bawah lapan bidang tujahan ini akan ada lagi sub-sub area yang akan dikemaskini dalam masa terdekat. Kita juga mahu para pelajar yang datang untuk membuat PhD dan program pengajian siswazah di universiti ini fokus kepada lapan bidang ini sahaja," katanya.

Tambah beliau, institut-institut penyelidikan di UUM seperti Co-Operative and Entrepreneurship Development Institute (CEDI), ITU-UUM ASP CoE for Rural ICT Development (ITU-UUM ASP CoE), Institute of Management and Business Research (IMBRe), Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC) dan lain-lain perlu memberi tumpuan kepada lapan bidang tujahan yang dinyatakan.

"Kita perlu menubuhkan beberapa unit pengajian ilmu baru yang masih belum ada di UUM seperti geografi, antropologi dan banyak lagi bidang sains sosial yang penting bagi memperkuatkan lagi bidang sains sosial universiti ini," jelasnya.

Beliau turut berharap agar penyelidikan yang dibuat dapat memperkuatkan lagi usaha UUM untuk menuju ke arah Universiti Penyelidikan.

Malah, setiap penyelidikan yang dibuat juga perlu seiring dengan agenda negara dan agenda global agar ianya relevan bagi keperluan negara ini dan dunia luar.

Beliau berkata, terdapat empat jenis universiti awam di Malaysia iaitu Universiti Apex, Universiti Penyelidikan, Universiti Fokus dan Universiti Komprehensif, di mana hanya Universiti Sains Malaysia sahaja diiktiraf sebagai universiti Apex pada masa ini.

Manakala, lima Universiti Penyelidikan sedia ada seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah berfokuskan kepada sains dan teknologi.

Beliau berkata demikian di majlis penyampaian geran penyelidikan kepada penyelidik UUM, di mana sejumlah RM 4,287,473 juta diagihkan pada tahun ini untuk memperkasakan lagi bidang tujahan serta hasrat universiti ke arah Universiti Penyelidikan.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my